

# AXCEL GLUCOSAMINE-500 TABLET

Glucosamine Sulphate (500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Glucosamine-500 Tablet.
2. Bagaimana Axcel Glucosamine-500 Tablet berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Glucosamine-500 Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Glucosamine-500 Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Glucosamine-500 Tablet.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Glucosamine-500 Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Glucosamine-500 tablet

Axcel Glucosamine-500 Tablet merupakan terapi alternatif bagi osteoarthritis.

## Bagaimana Axcel Glucosamine-500 Tablet berfungsi

Glucosamine sulphate mempunyai kesan terapeutik yang mengurangkan sakit sendi, meningkatkan fungsi sendi dan menghalang proses kemerosotan sendi.

## Sebelum menggunakan Axcel Glucosamine-500 Tablet

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Glucosamine-500 Tablet jika:

- Anda alah atau hipersensitif pada glucosamine dan kerang.
- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi yang bertauliah kepada anda.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum menggunakan Axcel Glucosamine-500 Tablet

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.

- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, terutamanya:

- Insulin.

Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Glucosamine-500 Tablets dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

## Cara menggunakan Axcel Glucosamine-500 Tablet

### -Berapa banyak harus digunakan

Paling baik diambil sebelum makan. Simptom osteoarthritis ringan atau sederhana: 1 tablet 2 kali sehari untuk tempoh paling kurang 6 minggu.

Simptom osteoarthritis serius: Permulaan, 1 tablet 3 kali sehari untuk tempoh paling kurang 8 minggu.

Terapi pengejalan perlu diikuti selama 3-4 bulan dengan 1 tablet 2 kali sehari.

### -Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Glucosamine-500 Tablet.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (dos terlebih)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Axcel Glucosamine-500 Tablet

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Glucosamine-500 Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Glucosamine-500 Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Disarankan untuk mengambil ubat anti radang sebagai rawatan permulaan untuk osteoarthritis bersama dengan glucosamine sulphate.
- Individu - individu yang menghadapi kencing manis jenis 2 dan mereka yang berlebihan berat badan dan mempunyai masalah dengan toleransi glukosa, tahap gula dalam darah mereka harus dipantau dengan teliti.

# AXCEL GLUCOSAMINE-500 TABLET

Glucosamine Sulphate (500mg)

---

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Glucosamine-500 Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Kardiovaskular: oedema periferi (pengumpulan cecair yang tidak normal dalam badan), kadar denyutan jantung yang cepat.
- Sistem saraf pusat: Mengantuk, sakit kepala, sukar tidur.
- Gastrointestinal: Rasa loya, muntah-muntah, cirit-birit, masalah pencernaan atau sakit epigastrik, sembelit, pedih ulu hati, hilang selera makan.
- Kulit: Kemerahan pada kulit dan gatal-gatal.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Glucosamine-500 Tablet**

### -Penyimpanan

Jauhkan Axcel Glucosamine-500 Tablet dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

### -Pelupusan

Jangan guna Axcel Glucosamine-500 Tablet yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Axcel Glucosamine-500 Tablet berbentuk lonjong, 18.8mm dan berwarna kuning tulang.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:

Glucosamine Sulphate.

- Bahan Tidak Aktif:

Microcrystalline Cellulose, Starch  
Corn Pregeletinesed, Magnesium Stearate, PVP K90,  
Croscarmellose sodium,  
Isopropyl Alcohol, Purified water.

### -Nombor MAL

MAL08032207X

## **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

02/01/2018

## **Nombor siri**

NPRA(R4/1)221217/00371